



LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA
FISHERIES DEVELOPMENT AUTHORITY OF MALAYSIA
Wisma LKIM, Jalan Desaria, Pulau Meranti
47120 PUCHONG
MALAYSIA



LKIM

Tel: 603-8064 9000
Faks (fax) : 603-8060 3726
Laman Web(web) : <http://lkim.gov.my>

Ruj. Kami : LKIM:M406/804/8 JLD 4 (77)
Tarikh : 26 Ogos 2020

Seperti di Lampiran

Tuan / Puan,

PELAWAAN MENGEMUKAKAN CADANGAN MENGOPERASIKAN PUSAT TERNAKAN IKAN BERDENSITI TINGGI PAGOH MUAR, JOHOR

- *Request for Proposal*

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan kepada pihak tuan/puan bahawa LKIM berhasrat melaksanakan tawaran terbuka kepada pemain industri akuakultur yang berpengalaman bagi mengoperasikan tapak Pusat Ternakan Ikan Berdensiti Tinggi Pagoh, Muar, Johor. Sehubungan itu, LKIM memanjangkan dan mear-warkan tawaran ini kepada pihak pemain industri / syarikat swasta / orang-perseorangan yang berminat.

3. Maklumat berhubung pelawaan mengemukakan cadangan ini disertakan seperti di Lampiran 1. Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung dengan Puan Rosmawati Binti Hj Maludin di talian 03-8064 9058 atau emel rosmawati@lkim.gov.my dan Encik Mohd Zamiruddin Bin Che Kamarudin di talian 03-8064 9071 atau emel zamir_29@yahoo.com. Atas kerjasama yang diberikan pihak tuan/puan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHAMAD RIZAL BIN SAHARI)

Timbalan Pengarah Bahagian Pemasaran dan Pelesenan
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
b.p Ketua Pengarah LKIM

LAMPIRAN 1

PERKARA : PELAWAAN MENGEMUKAKAN CADANGAN MENGOPERASIKAN TAPAK PUSAT TERNAKAN IKAN BERDENSITI TINGGI PAGOH MUAR, JOHOR

- 1) LKIM mempunyai tapak akuakultur premis Pusat Ternakan Ikan Berdensiti Tinggi Pagoh, Muar, Johor terdiri dari Sistem Ternakan Dalam Tangki yang boleh dibangunkan dan dioperasikan bagi tujuan pengeluaran ikan secara komersial.
- 2) Pengusaha/Operator dari kalangan syarikat swasta dipelawa untuk mengoperasikan unit-unit ternakan melalui kaedah sewa berkonsepkan *as is where is basis*.
- 3) Taklimat berhubung unit ternakan akan diberikan semasa Lawatan Tapak. Pengusaha/Operator yang berminat dipelawa menyertai Lawatan Tapak pada masa dan tempat ditetapkan seperti berikut:

Bil	Projek	Lokasi	Tarikh Lawat Tapak / Taklimat
1.	Pusat Ternakan Ikan Berdensiti Tinggi Pagoh, Muar, Johor	Koordinat lokasi: 2°08'19.0"N 102°44'24.7"E Tapak Projek Ternakan Ikan Berdensiti Tinggi, Kompleks Bimbingan Usahawan Tani MAFI, Pagoh, 84600 Muar, Johor	Tarikh : 02 September 2020 (Rabu) Masa : 10.00 pagi

- 4) Kertas cadangan yang lengkap hendaklah dihantar kepada **Pengarah Bahagian Pemasaran dan Pelesenan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Aras G, Wisma LKIM, Jalan Desaria, Pulau Meranti, 47120 Puchong, Selangor.**
- 5) Tarikh tutup pelawaan adalah pada **03 September 2020 (Khamis)**.

**SENARAI SEMAK
KERTAS CADANGAN MENGOPERASI PROJEK AKUAKULTUR
LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA**

Bil	Butiran	
1.	Surat Permohonan	<input type="checkbox"/>
2.	Latar Belakang Syarikat a. Menyatakan latar belakang syarikat dan pengalaman syarikat di bidang akuakultur. b. Melampirkan dokumen-dokumen menyokong kenyataan mengenai pengalaman syarikat.	<input type="checkbox"/>
3.	Butiran Projek Dicapangkan a. Menyatakan spesies ternakan. b. Menjelaskan kaedah / model sistem ternakan digunakan.	<input type="checkbox"/>
4.	Analisa Perbelanjaan dan Pendapatan Projek Memperincikan aliran tunai.	<input type="checkbox"/>
5.	Pelan Pelaksanaan Projek Menyatakan pelan perbatuan pelaksanaan projek.	<input type="checkbox"/>
6.	Impak Projek a. Menyatakan sumbangan projek. b. Menyatakan impak projek.	<input type="checkbox"/>
7.	Cadangan Kadar Sewaan a. Menyatakan kadar sewaan. b. lain-lain tawaran (sekiranya ada) kepada LKIM.	<input type="checkbox"/>